



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**GURU SEKOLAH ARAB (G.13)  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. GURU SEKOLAH ARAB  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana Muda Pendidikan atau sebanding dalam bidang Biologi / Fizik atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan / Perguruan bagi mendapatkan seperti kursus Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh dilantik jawatan ini.

3. Mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang yang dikehendaki adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Sebagai tenaga pengajar di mana-mana persekolahan Menengah Arab seluruh negara atau tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan atau Pengetua / Guru Besar;
2. Bersedia membuat satu-satu perubahan terutama dari segi pengajaran dan pembelajaran;
3. Merancang dan memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan efisien;
4. Menyediakan laporan-laporan dan data-data pemarkahan pelajar dengan baik dan tersusun;
5. Menentukan perkembangan bakat pelajar khususnya dalam bidang kurikulum dan ko-kurikulum;
6. Melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh sekolah, jabatan atau kementerian; dan
7. Tugas-tugas lain dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.